



## AHLAN YA RAMADAN

1444H

### BAZAR RAMADAN HITS 2023

## HITS

Hijrah Selangor dengan kerjasama MBSA dan Beez Fintech Sdn Bhd (Bayarlah) telah menganjurkan Bazar Ramadhan HITS, setiap hari sepanjang bulan Ramadhan dari jam 4 petang hingga 8 malam. 2 lokasi tapak bazar telah pun beroperasi dengan kaedah urusniaga tanpa tunai atau *cashless*.

Kedua-dua lokasi adalah strategik kerana terletak di kawasan tumpuan penduduk iaitu di **Seksyen 7, Shah Alam (berhampiran Restoran Al-Rawsha) dan Subang U3 (berhampiran Masjid Darus Salim)**. Terdapat pelbagai juadah makanan dan minuman ditawarkan.

Mari datang beramai-ramai bagi memeriahkan lagi Bazar Ramadan HITS.

#### TAZKIRAH : HUTANG

Oleh : Ust Dzul Nawawi

- ▶ Kisah Rasulullah memanggil para sahabat menyembahyangkan jenazah lelaki, akan tetapi baginda keluar daripada tempat tersebut.
- ▶ Sahabat bernama Abu Qatadah bertanya Rasulullah menyatakan "Wahai Rasulullah, sembahyanglah bersama kami, setiap jenazah yang disembahyangkan olehmu akan beroleh syafaat darimu Rasulullah.
- ▶ Abu Qatadah menyatakan kepada Rasulullah, "Hutangnya akan aku selesaikan wahai Rasulullah".
- ▶ Akhirnya, barulah Nabi menyembahyangkan jenazah orang yang berhutang tersebut atas jaminan daripada sahabat yang bernama Abu Qatadah R.A.

IBRAH

- Allah memberikan gambaran jelas mereka yang sukar membayarkan hutang sehingga Nabi SAW mengelak dari menyembahyangkan jenazah tersebut.
- Ini baru di dunia Bayangkan nanti bagaimana seksa di akhirat kelak.



KLIK DISINI  
GALERI GAMBAR

#### HIJRAH IN PERSON

**DZUL NAWAWI  
BIN MUNAWER**

CAWANGAN KUALA LANGAT

KUALA LANGAT

Bertugas sebagai Pegawai Hijrah atau sinonim dengan panggilan 'ustaz', peranan yang dimainkan beliau bersama pasukannya amat penting dalam menyelia dan mengurus kutipan dan tunggakan peserta Hijrah. Siapa sangka insan yang minat memasak dan berkebolehan dalam reka bentuk grafik ini, telah 10 tahun berkecimpung dalam industri mikrokredit dengan tujuan murni untuk membantu dan mendidik usahawan Selangor serta ingin terus berusaha mengubah nasib golongan kelas rendah ke kelas menengah.

Ikuti Tazkirah Ramadan disampaikan oleh Ustaz Dzul Nawawi pada setiap Jumaat, jam 9.30 pagi di platform Facebook & Youtube Hijrah Selangor

  
HIJRAH  
SELANGOR

Dengan Usaha sama  
 **bayarlah**

**HITS**  
HIJRAH TOUR SELANGOR  
**BAZAR  
RAMADAN**  
2023/1444

SEPANJANG BULAN RAMADAN

TAPAK PENJAJA SEMENTARA, JALAN PLATINUM F/7F, SEKSYEN 7 | TAPAK LETAK KENDERAAN SUBANG U3

# LENSA AKTIVITI

## KUNJUNG HORMAT : MEDIA SELANGOR

Bahagian Korporat Hijrah Selangor telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Media Selangor dalam usaha kolaborasi bersama, pada 20 Februari 2023. Pelbagai perkara dibincangkan bagi meluaskan lagi penyampaian maklumat berkenaan Hijrah Selangor. Tidak lupa juga perbincangan mengenai kerjasama yang boleh dilakukan dalam usaha membantu usahawan mempromosi produk atau servis mereka melalui Media Selangor.

Terima kasih Media Selangor sudi menyambut kehadiran kami.



## KURSUS & LATIHAN KEWANGAN OLEH AKPK

Telah berlangsung Program Bijak Urus Wang di peringkat Cawangan Sabak Bernam dan Sungai Besar pada 6 dan 7 Mac 2023, yang telah dikelolakan oleh unit Pembangunan Usahawan, bertempat di Zamita Resort Sabak Bernam. Seramai 25 orang peserta telah hadir.

Antara pengisian Program Bijak Urus Wang adalah memberi penerangan kepada peserta cara merekod kewangan perniagaan dengan menggunakan *template* pengurusan kewangan, selain memberi pemahaman kepada peserta apa yang perlu dilakukan sekiranya menghadapi masalah perniagaan.



## KEMBARA SUKSES HIJRAH 2023

Kembara Sukses Hijrah telah berlangsung dengan jayanya di Bandar Puncak Alam, Kampung Baru Subang dan Kapar pada 14 Mac yang lalu. Turut serta di lokasi adalah ADUN Kota Damansara merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YHS, YB Shatiri Bin Mansor. Tahniah buat semua usahawan yang telah berjaya sehingga ke peringkat lebih tinggi.

Harapan Hijrah Selangor agar usahawan dapat mengekalkan prestasi perniagaan dan melonjakkan lagi perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi dan lebih jauh.

Tahniah sekali lagi buat semua!



**KLIK DISINI**  
BERITA PENUH



### CAWANGAN KUALA SELANGOR



**KLIK VIDEO DISINI**

"Bagi saya rezeki saya berniaga adalah mempunyai kakitangan yang setia dan saya menganggap seperti keluarga saya."

*Sharmalizawati, Dp Pastry House*

### CAWANGAN KAPAR



**KLIK VIDEO DISINI**

"Kesabaran dalam berniaga sangat penting terutama sekali bila kita baru mula berniaga. Amalan untuk membayar pembiayaan Hijrah secara lebih adalah satu amalan bagi memendekkan tempoh pinjaman."

*Elangkovan A/LNarayanan Eagle Chemitech, Resources Sdn Bhd*

### CAWANGAN PETALING JAYA UTARA



**KLIK VIDEO DISINI**

"Jangan pernah mengalah walau sebesar mana sekalipun ujian yang melanda. Hasad dengki orang merupakan satu pembangkit semangat untuk terus lebih maju ke hadapan"

*Mohd Hafiy Hamzah, Bro Autopaint Garage*

**WAKTU OPERASI PEJABAT SEPANJANG BULAN RAMADAN**

**ISNIN - JUMAAT**  
8.00 PAGI - 4.00 PETANG

**WAKTU REHAT**  
ISNIN - KHAMIS : 1.30 - 2.00 PETANG  
JUMAAT : 12.45 TENGAHARI - 2.30 PETANG

Perubahan waktu operasi di atas untuk bulan Ramadan sahaja  
Harap Maklum, terima kasih

**KLIK DISINI**  
TADARUS ONLINE

IHYA' RAMADAN 1444H  
**TADARUS AL-QURAN ONLINE**  
SEPANJANG RAMADAN 1444H

SETIAP ISNIN-AHAD : 12.30 TENGAHARI  
SETIAP JUMAAT : 11.30 PAGI

SECARA LANGSUNG  
**LIVE**

**TAZKIRAH RAMADAN**

SETIAP JUMAAT  
9.30 PAGI

**KLIK DISINI**  
SIRI TAZKIRAH RAMADAN

**WAKTU OPERASI PEJABAT SEMPENNA AIDILFITRI**

Ibu pejabat dan seluruh pejabat cawangan Hijrah Selangor akan ditutup sementara bermula dari  
**22 APRIL 2023 (SABTU)**  
SEHINGGA 24 APRIL 2023 (ISNIN)

TERBUKA KEPADA SELURUH USAHAWAN HIJRAH SELANGOR

**KEMPEN BAYAR BALIK & MENANG 2023**

Lebih dari **RM20,000** hadiah misteri untuk dimenangi

KEMPEN BERMULA 1 JANUARI 2023 TAMAT PADA 18 DISEMBER 2023

Penyertaan Adalah Secara Automatik  
Maklumat lanjut, hubungi:  
016 912 1692

**KLIK DISINI**  
PERADUAN BAYAR & MENANG

**KLIK DISINI**  
MEDIA SOSIAL RASMI

**KLIK DISINI**  
INFO TERKINI